

**PERSEMBAHAN LUAMBEK
DALAM ALEK NAGARI DI PARIAMAN
MINANGKABAU SUMATERA BARAT
INDONESIA: MAKNA DAN FALSAFAH**

Oleh: DARMAWATI

**PUSAT PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

2015

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis yang saya tulis ini ialah sebenar-sebenarnya merupakan hasil karya ilmiah saya. Ianya bukanlah merupakan peniruan daripada tesis atau karya ilmiah orang lain, atau pihak mana-mana pun. Nukilan dan data sekunder yang saya peroleh untuk keperluan penulisan tesis ini telah saya tuliskan dalam referensi saya. Demikian pengakuan ini saya buat dengan sebenarnya.

Maret 2015

Darmawati

PENGHARGAAN

Tesis ini tidak mungkin diselesaikan tanpa sokongan, dan dorongan mahupun perhatian yang berterusan daripada pelbagai pihak, yang memaklumi keadaan sebenar-benarnya dalam pelbagai usaha, dan upaya bagi menjayakan penulisan tesis ini. Saya merasa amat sangat berhutang budi ke atas tokoh-tokoh tari Luambek, baik yang masih aktif mahupun yang tidak lagi aktif dalam memastikan kesenian Luambek, sehingga ia tidak berkubur begitu sahaja. Kesabaran dan kerjasama daripada penggiat dan pelaku mahupun pengurus kesenian Luambek seperti Datuak Tuo, Alahyarham Kapalo Mudo Bachtiar, Alahyarham Basri, Alahyarham Haji Awin Datuak Rajo Suleman, Musa, Tajun, Datuak Rajo Mangkuto, Angah Uma, Tuanku Kuniang Azwar, dan Utiah Inua.

Khusus untuk bapa dan ibu serta suami saya Haji Micky B. Amien Ch. Majoindo dan anak saya Reynold Maradesa dan Emilsa Minda mahupun saudara saya Amboina dan Nurmanis, yang telah berkorban masa dan tenaga serta pikiran untuk menyokong saya dalam penyelesaian tesis dan pendidikan saya. Selain itu, khusus untuk Haji Awin Datuak Rajo Sulaiman, Bachtiar, dan Basri yang pertama sekali memberikan maklumat daripada kesenian Luambek amnya, yang telah banyak berkorban ilmu dan budi kepada saya, oleh kerananya saya sangat berhutang budi kepada beliau, sehingga tesis ini banyak saya perolehi datanya dari beliau semua.

Penghargaan tak kalah penting saya berikan kepada kumpulan Luambek Nagari Sintuk, Luambek Nagari Toboh Gadang, Luambek Nagari Marunggi, Luambek Nagari Sunua, Luambek Nagari Paguah, Luambek Nagari Kapalo Ilalang, dan Luambek Nagari Sungai Asam Sicincin, serta pensyarah tari Sendratasik UNP. Mereka semua telah banyak membantu saya dalam mengumpulkan data untuk penyelesaian penulisan tesis ini.

Tak lupa pula penghargaan saya kepada Bapak Gabenor Provinsi Sumatera Barat, Bapak Rektor Universiti Negeri Padang, Bapak Dekan FBS UNP dan Ketua Jurusan Sendratasik FBS UNP. Dokongan dan bantuan mereka ke atas informasi dan keizinan untuk saya belajar serta bantuan kewangan sangat bermanfaat bagi saya untuk menyelesaikan tesis saya, sehingga saya tidak memperoleh cabaran lagi mengenai kewangan dan keizinan dalam pelaksanaan pengkajian.

Khusus teristimewa dan terhormat kepada penyelia utama saya Dr.A.S. Hardy Shafii dan Dr. Mohamad Kipli sebagai penyelia bersama yang telah memberi galakan dan sokongan untuk menjalankan tesis ini semenjak saya belajar di USM, terima kasih tidak terhingga daripada saya. Segala teguran, sokongan, informasi dan idea konstruktif yang telah diberikan kepada saya tak akan dilupakan.

Penang, Maret 2015

Darmawati

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Foto	vii
Senarai Rajah	xi
Senarai Lampiran	xii
Glossari	xiii
Abstrak	xxiii
Abstarct	xxv

BAB SATU PENGENALAN

1.1 Pengkajian	1
1.2 Objektif Kajian	8
1.3 Hipotesis	9
1.4 Definisi Operasional	10
1.4.1 Makna dan Falsafah	10
1.4.2 AlekNagari dan Kesenian Luambek di Pariaman	15
1.4.3 Tari Tradisional Minangkabau	19
1.4.4 Sosial Budaya dan Kesenian Minangkabau	23
1.4.5 Agama dan Kepercayaan Masyarakat Minangkabau	31
1.5 Ulasan Bacaan	37
1.6 Skop Kajian	44
1.7 Justifikasi	45
1.8 Metodologi	48
1.9 Masalah Kajian	51
1.10 Rangka Bab	54

BAB DUA FALSAFAH DAN SEJARAH KEDATANGAN TAREKAT SYATTARIYAH, DAN PERSEMBAHAN LUAMBEK DALAM ALEK NAGARI DI PARIAMAN

2.1	Falsafah dan Tarekat Syattariyah di Pariaman	57
2.2	Kesenian Luambek Dalam Alek Nagari di Pariaman	65
2.3	Luambek: Perpaduan Budaya Tempatan Dengan Fahaman Ajaran Tarekat Syattariyah	72
2.4	Pengertian Luambek	82

BAB TIGA PENGARUH TAREKAT SYATTARIYAH DAN PENGUKUHAN ADAT MELALUI ELEMEN-ELEMEN TARI DALAM LUAMBEK

3.1	Elemen Tari Luambek	92
3.1.1	Pelaku Persembahan	92
3.1.1.1	Para Penari	93
3.1.1.2	Tukang Dampeang	97
3.1.1.3	Janang	102
3.1.2	Tari	106
3.1.3	Muzik Dampeang	115
3.1.4	Kostum dan Tata Rias	124
3.1.5	Kelengkapan Persembahan	128
3.1.6	Tempat Persembahan	129
3.1.7	Penonton	134
3.2	Syarat-syarat Pelaksanaan Persembahan	140
3.2.1	Pelaku Upacara Persembahan: Niniak Mamak, Alim Ulama, Cadiak Pandai, Anak Mudo dan Kapalo Mudo.	141
3.2.2	Jadual Persembahan dan Penyediaan Tempat Pelaksanaan Persembahan: Laga-laga	142
3.2.3	Kelengkapan lain dan Fungsi	151

BAB EMPAT PENGUKUHAN ADAT DI DALAM STRUKTUR PERSEMBAHAN, DAN PERANAN PENGHULU DALAM KELESTARIAN LUAMBEK

4.1	Persiapan Persembahan	168
4.1.1	Muafakat Adat/Makan SirihPinang	168
4.1.2	Mamanggia	177

4.1.3	Balingkuang: Unsur-unsur dengan Peranan Peserta	184
4.1.4	Mananti Alek	190
4.1.5	Baretong: Basitinah Sambah	198
4.1.6	Persembahan Randai Luambek	201
4.1.7	Persembahan Luambek	207
4.2	Struktur Persembahan Luambek	209
4.2.1	Adat Memakai Pakaian	211
4.2.2	Bersalaman dengan Para Tuo Luambek	215
4.2.3	Persembahan Gerak Tarian Luambek	219
4.2.4	Pengunjukkan Carano	230
4.2.5	Mamulangan Pakaian Niniak mamak Dan mambukak Tirai	231
4.3	Peranan Niniak Mamak/Penghulu dalam Kelestarian Luambek (Mempertahankan Imej Penghulu Sebagai Pemegang Adat yang Sholeh)	234
4.3.1	Luambek sebagai Milik Niniak Mamak dengan Sebutan Luambek “Suntieng Niniak Mamak”	234
4.3.1.1	Acara Duduak Balingkuang	239
4.3.1.2	Keberadaan Niniak mamak di Sekitar Galanggang/Arena Persembahan	242
4.3.1.3	Pemasangan Kostum Oleh Guru Sebagai Niniak mamak	244
4.4	Imej Niniak Mamak sebagai Penghulu Yang Soleh	246

BAB LIMA KESIMPULAN DAN PANDANGAN

Kesimpulan	252
Pandangan	264

BIBLIOGRAFI	274
--------------------	-----

SENARAI FOTO

NO. FOTO

PENERANGAN

- Foto 1: Untuk memasuki arena pesta/gelanggang, para tamu masuk melalui gerbang yang ditandai dengan bendera besar/benda adat yang disebut *marawa*.
- Foto 2: Pada batas gelanggang Alek Nagari diletakkan papan pemberitahuan untuk menjaga suasana sunyi di sekitar tempat persembahan Luambek ketika upacara persembahan/ musyawarah berlangsung
- Foto 3: Suasana di gelanggang, iaitu untuk suasana sunyi di sekitar *laga-laga*, mesin kenderaan yang melewati sekitar gelanggang harus dimatikan.
- Foto 4: Suasana di *laga-laga* ketika sebelum upacara dan persembahan Luambek bermula
- Foto 5: *Carano*—benda adat untuk tempat sirih lengkap—yang ditutupi dengan kain warna-warni sebagai tanda keragaman masyarakat dalam *nagari* yang berhimpun menjadi satu dalam kebersamaan. Bagian bawah *Carano* dibalut dengan kain kuning sebagai tanda mengikat masyarakat dengan aturan kebenaran dan diakui bahawa yang benar itu berdiri sendirinya, iaitu Allah. Warna kuning adalah warna agung dan sebagai lambang kebesaran. Juga diakui yang besar dan agung itu adalah Yang Maha Kuasa—Allah.
- Foto 6: Daun sirih yang diletakkan dalam *Carano* adalah sebagai makanan secara adat yang disajikan untuk orang-orang terhormat. Bunga pinang yang dijalin melingkari pinggir *Carano* sebagai tanda jalinan silaturahmi yang erat antara anggota masyarakat dan sebagai tanda kebersatuan masyarakat dalam memagari *nagari/kampung*.
- Foto 7: *Dulang tinggi*: Kelengkapan pelaksanaan upacara yang harus disediakan dan diletakkan di atas *laga-lag* sebelum musyawarah bermula.
- Foto 8: *Tirai cancang*: *tirai Niniak mamak* yang berjurai warna-warni yang

dipakaikan pada langi-langit tempat persembahan/*laga-laga* dan *tirai kolam* yang berwarna kuning melingkar/tirai Alim Ulama. Erti dari *tirai* (lihat pada bagian analisis tanda/ tentang tanda tirai)

- Foto 9: Tilam yang ditutupi dengan kain panjang batik yang disediakan untuk tempat duduk *Niniak mamak* di atas *laga-laga* dalam pelaksanaan upacara dan menyaksikan persembahan Luambek.
- Foto 10: Tikar kecil yang berlapis (disebut *lapiak lambak*) sebagai benda adat untuk kelengkapan di atas tempat persembahan Luambek yang digunakan untuk tempat duduk para *Janang/Wasit*. Seperti yang terlihat pada gambar/yang dibentangkan di depan tiang bahagian tengah.
- Foto 11: Kain sarung pelekat yang digunakan untuk menutupi tiang-tiang/tonggak di sekeliling *laga-laga*.
- Foto 12: Cermin sebagai kelengkapan persembahan yang dipakaikan pada tiang bahagian sudut dan pada gambar terlihat pada tiang kanan. Keberadaan cermin di atas tempat pertunjukan tidak hanya sekedar kelengkapan atau sebagai setting pentas, tetapi cermin adalah untuk mencermine atau melihat bayangan diri yang terdiri daripada jasmani dan rohani atau tubuh kasar dan tubuh halus—ciri khas dari ajaran tarekat Syattariyah.
- Foto 13: Para *Niniak Mamak*—pelaku upacara persembahan—duduk di atas *laga-laga* (tempat persembahan Luambek) sebagai pemilik Luambek yang mensepakati memberi izin untuk persembahan Luambek
- Foto 14: Upacara persembahan—*duduak Balingkuang*—merupakan duduk bersama yang terdiri daripada para *Niniak mamak*, Alim Ulama, Cendiakawan, dan *Kapalo Mudo* (ketua pemuda) untuk musyawarah mengenai akan melaksanakan persembahan Luambek oleh anak muda yang harus mendapatkan izin dari para *Niniak mamak*.
- Foto 15: Tamu (*alek*) yang datang disambut oleh yang punya helat ke halaman sekitar laga-laga. Terjadi dialog—yang punya helat mengucapkan selamat datang dan tamu menyatakan maksud kedatangannya untuk mengikuti acara persembahan Luambek—dan menyajikan Carano berisi sirih sebagai tanda penghormatan dan menerima kedatangan tamu dengan senang hati.

- Foto 16: Upacara pelaksanaan persembahan—*basitinah sambah*—merupakan musyawarah antara *Niniak Mamak* yang punya helat dengan *Niniak Mamak* tamu dalam mencari kata sepakat untuk pelaksanaan persembahan Luambek dan sesuai dengan urutan yang disusun oleh panitia.
- Foto 17: Randai Luambek sebagai bermula persembahan dalam upacara. Para penari Randai Luambek—pelaku persembahan mempersembahkan Randai Luambek yang selalu membentuk posisi melingkar
- Foto 18: Kostum penari yang dipasangkan oleh guru tari hanyalah pada bahagian pinggang (sebagai simbol dan ertinya lihat pada bagian analisis tanda dan penanda). Untuk baju, seluar, dan ikat kepala dipasang sendiri oleh para penari.
- Foto 19: Penari Luambek—pelaku persembahan gerakan tarian Luambek. Para penari menghadap para Penghulu untuk bersalaman sebagai tanda minta izin dan penghormatan ketika hendak mempersembahkan Luambek
- Foto 20: Sebelum mempersembahkan gerakan Luambek, para penari harus mendatangi para *Niniak mamak* yang duduk di atas *laga-laga* untuk minta keridhaan mempersembahkan Luambek.
- Foto 21: Gerak Sembah yang dilakukan pada awal tarian merupakan tanda penghormatan kepada semua orang yang hadir di sekeliling tempat persembahan—*Niniak mamak*, para guru/Tuo Luambek, dan para penonton—yang termasuk penghormatan terhadap Yang Maha Kuasa.
- Foto 22: Gerak variasi dilakukan pada bagian awal tarian—setelah gerakan sembah—dan pada antara gerakan menyerang dan menangkis pertama, kedua, dan ketiga.
- Foto 23: Gerakan menyerang pertama (pada gambar sebelah kanan) ditujukan untuk sebagai hendak membuka baju penari lawan (sebelah kiri pada gambar dan yang terlihat beraksi, iaitu sebagai berusaha untuk mempertahankan dari serangan).

- Foto 24: Gerakan menyerang kedua—sebelah kanan pada gambar—adalah bertujuan sebagai hendak membuka ikat pinggang penari lawan dan sebaliknya penari sebelah kiri pada gambar beraksi untuk mempertahankan dengan penuh kewaspadaan.
- Foto 25: Gerakan menyerang ketiga—terlihat pada gambar sebelah kiri—iaitu berusaha hendak merebut destar/tutup kepala penari lawan—sebelah kanan pada gambar—yang mempertahankan dengan penuh kewaspadaan.
- Foto 26: Gerakan serangan terakhir (ketiga) selesai, para *Janang* mengucapkan kata “habis” sebagai petanda persembahan harus diakhiri, maka para penari lasung menutup dengan melakukan gerakan sembah sebagai tanda hormat dan terimakasih kepada semua yang menyaksikan persembahan dan termasuk perhormatan/terimakasih terhadap Yang Maha Kuasa yang telah memberi keselamatan terhadap para penari.
- Foto 27: Tukang Dampeang—pelaku muzik vokal—duduk di tengah sedang menyanyikan lagu Dampeang sambil merokok
- Foto 28: Janang/wasit—pelaku sebagai pengatur persembahan Luambek-- (duduk di tengah bersandar ke tiang yang dibungkus kain sarung pelakat) sedang memperhatikan para penari mempersembahkan gerakan tarian Luambek.
- Foto 29 : Makanan—nasi kunyit singgang/panggang ayam—secara adat-istiadat adalah makanan yang disajikan untuk tamu-tamu yang terhormat.
- Foto 30: Para penonton Luambek—ketika persembahan di *nagari* Sunua Kuraitaji Pariaman pada 25 hari bulan Februari 2009—pada amnya adalah terdiri daripada laki-laki masyarakat kampung/*nagari* tempat melaksanakan persembahan dan masyarakat dari *nagari-nagari* di sekitar daerah Pariaman.

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PENERANGAN
Rajah 1:	Urutan gerak tarian dalam urutan syair muzik <i>Dampeang Jantan I</i>
Rajah 2 :	Urutan gerak tarian dalam urutan syair muzik <i>Dampeang Batino I</i>
Rajah 3:	Urutan gerak tarian dalam urutan syair muzik <i>Dampeang Jantan II</i>
Rajah 4:	Urutan gerak tarian dalam urutan syair muzik <i>Dampeang Batino II</i>
Rajah 5:	Urutan gerak tarian dalam urutan syair muzik <i>Dampeang Jantan III</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO.	PENERANGAN
LAMPIRAN	
Lampiran 1:	Foto-foto dalam upacara pelaksanaan dan persembahan kesenian/tarian Luambek.
Lampiran 2:	Peta pentadbiran Sumatera Barat dan peta pentadbiran Kabupaten Padang Pariaman.

GLOSARI

<i>Ai you hu...</i>	Sorak Dampeang.
<i>Alam takambang jadi guru</i>	Alam terbentang dijadikan guru sebagai Falsafah adat Minangkabau.
<i>Alang Suntieng Pangulu</i>	Jenis tarian tradisional.
<i>Alek Pauleh Randah</i>	Istilah pesta keramaian.
<i>Alek Pauleh Tinggi</i>	Istilah yang digunakan khusus dalam seni persembahan Ulu Ambek di Padang Pariaman.
<i>Alek Nagari</i>	Adalah satu pesta keramaian rakyat di Minangkabau.
<i>Alek Pauleh Lumpuah</i>	Istilah pesta keramaian, lawannya adalah Alek Pauleh Randah.
<i>Ambek</i>	Menghalangi, membendung.
<i>Anak Nagari (Negeri)</i>	Merujuk kepada masyarakat tempatan sebagai pelaksana kesenian dan budaya.
<i>Ancang-ancang</i>	Peringatan akan melakukan gerak berikutnya.
<i>Antah-antah</i>	Sebutan bunyi vokal bersama-sama di dalam persembahan.
<i>Antah yo antah</i>	Bentuk ucapan yang lain; atau seperti <i>hap-hap, tah-tah, tah tah tah tah, hap, hah, hai huh, ai youhu</i> atau <i>hayyu</i> .
<i>Arai Pinang</i>	Mayang pinang yang terurai dijalin dengan indah sebagai hiasan tempat sirih pinang, bunga atau mayang pinang.
<i>Ateh</i>	Atas.
<i>Babaie</i>	Dibayar,
<i>Babaie utang sipangka</i>	Dibayar hutang penyelenggara, (ungkapan).
<i>Badikie</i>	Berzikir.
<i>Balabeh</i>	Nama gerak dalam Luambek.
<i>Baluambek</i>	Melaksanakan atau seseorang ikut mempersembahkan Ulu Ambek.
<i>Banang tujuh ragam</i>	Benang diguna untuk azimat.
<i>Baretong</i>	Mengadakan mesyuarat mufakat untuk persembahan dan upacara lain.
<i>Basapa, basuluak</i>	Pergi bersyafar dan bersuluk di bulan syafar.
<i>Basilek jo bauluambek ,indaksarupo</i>	

<i>carotagaknyo</i>	Bersilat dan ber-uluambek tidak serupa dan lain pula cara untuk berdirinya, (ungkapan).
<i>Batagak Panghulu</i>	Mendirikan nama gelar penghulu baru di dalam suatu pesta adat.
<i>Batapa-tapaan</i>	Saling mengunjungi/kunjung mengunjungi
<i>Bersyafar</i>	Bersuluk pada bulan Syafar.
<i>Buah Dampeang</i>	Adalah sorak Dampeang di dalam Dampeang Batino dan Jantan
<i>Buaian Kaliang</i>	Sejenis alat permainan anak-anak yang disewa dalam berbagai acara keramaian.
<i>Buluhih</i>	Sesuatu yang bolos ke bawah atau lepas atau (yang tidak mendapatkan)—dalam luambek tidak mendapatkan kemenangan atau sebaliknya mengalami kekalahan. Nama gerakan dalam Luambek.
<i>Catue langkah</i>	Tempat kelengkapan sirih pinang atau tepak, atau puan.
<i>Cerana Sirih</i>	Kumpulan sirih pinang yang lengkap.
<i>Cerana Sirih Langkok</i>	Debus, sebuah persembahan mistik.
<i>Dabuih</i>	Lagu Dampeang jenis Jantan.
<i>Dampeang Jantan</i>	Lagu jenis Dampeang Batino.
<i>Dampeang Batino</i>	Adalah sebutan daerah perdalaman tanah tinggi di Minangkabau.
<i>Darek</i>	daerah Darek dipimpin oleh seorang penghulu sedangkan daerah Rantau dipimpin oleh seorang raja, (ungkapan).
<i>‘Darek Bapangulu rantau barajo’</i>	
<i>Desa</i>	Sebutan untuk Kampung, dusun atau Negeri.
<i>Dikiae, Badikie</i>	Zikir, Dikir atau Ratib
<i>Dukun</i>	Seorang pakar mengobat tradisional.
<i>Dulang</i>	Sejenis talam
<i>Dulang tinggi</i>	Sejenis talam berkaki.
<i>Duobaleh</i>	Dua belas
<i>Gaba-gaba</i>	Sejenis pintu gerbang yang dibuat semasa atau Gapura.
<i>Gadang</i>	sebutan untuk rumah adat yang besar atau gelaran yang besar.
<i>Galembong</i>	Pakaian, nama seluar diguna dalam silat dan tari tradisional.
<i>Sarawa Galembong</i>	disebut juga seluar Kandik atau seluar Tapak Itiak.

<i>Gambia/Gambir</i>	Bahan kelengkapan makan sirih pinang.
<i>Gandang</i>	Nama lain sebutan alat muzik gendang.
<i>Gayuang</i>	Atau istilah di dalam permainan silat atau cara untuk membunuh, mencelakakan
<i>Gayuang, Parmayo, Sewai, Tinggam</i>	lawan dengan ilmu batin.
<i>Juhueng (?)</i>	Nama gerak, bahagian pada badan dan bahu.
<i>Gelek</i>	Atap bangunan yang lancip.
<i>Gonjong</i>	Nama gerak.
<i>Guntiang</i>	Seseorang jurulatih disebut juga Kapalo Mudo sebagai ketua kumpulan silat atau Ulu Ambek.
<i>Guru tuo</i>	Pada kumpulan yang lain disebut dengan Tuanku atau guru Gadang atau Guru Bantu.
<i>Heptah, Heptah-heptah, Hai</i>	Nama istilah suara di dalam aksi persembahan
<i>Hu Ha Yau</i>	Salah satu ucapan nama sorak dampeang
<i>Indang</i>	Jenis persembahan tarian duduk beramai.
<i>Indang Pariaman</i>	Nama persembahan Indang yang popular di Pariaman.
<i>Janang</i>	orang yang memperhatikan persembahan Luambek. Atau orang suruhan, atau seseorang menghidangkan makanan dalam perhelatan.
<i>Rojo Janang</i>	Ketua dari seluruh Janang.
<i>Jimaik</i>	Azimat (sesuatu penangkal).
<i>Kaba</i>	Sejenis cerita rakyat atau kisah-kisah lama tempatan dan biasanya menggunakan kisah perantauan, perkahwinan, peruntungan dan nasib keadaan masyarakat semasa.
<i>Kapalo Mudo</i>	Ketua sesebuah kumpulan atau jurulatih.
	Boleh bererti seorang Syeikh, Tuanku atau Guru Tuo.
<i>Kasuae</i>	Sebutan lain katil.
<i>Kesenian Anak Nagari</i>	Persembahan Anak Negeri, disebut juga sebagai permainan, sama ada seperti persembahan pencak silat, randai, tarian, kaba dan bunyi-bunyian muzik.

<i>Kilek jo Bayang</i>	Istilah di dalam bentuk kekuatan dalam suatu jenis silat.
<i>Koyah</i>	Nama gerak dalam tarian Luambek.
<i>Laga-laga</i>	Tempat dilaksanakannya persembahan Luambek.
<i>Pauleh Laga-laga</i>	Nama bahagian lain dari laga-laga bahagian pinggir di sekelilingi laga-laga untuk tempat duduk para pendukung persembahan Luambek.
<i>Lalu</i>	Nama jenis gerak atau peranan seseorang dalam persembahan Luambek.
<i>Lamban</i>	Nama gerak, Lamban sekali.
<i>Langik-langik</i>	Hiasan tabir yang digantung di tengah ruangan balai persembahan.
<i>Langkah Ampek</i>	Nama gerak.
<i>Lapiak Lambak</i>	Sejenis tikar yang berlapis.
<i>Lareh</i>	Dalam kumpulan persembahan Luambek bererti tumpukan atau kelompok.
<i>Lenong</i>	Nama gerak, (berputar).
<i>Luambek</i>	Nama lain untuk pengucapan Ulu Ambek.
<i>Makan bungo pinang</i>	Jamuan makan bersama.
<i>Mamak</i>	Pangilan lain untuk Paman (saudara laki-laki dari ibu) di Minangkabau.
<i>Mamangan</i>	Seperti ungkapan dan peribahasa.
<i>Mamangan adat;</i>	
<i>Mambalah</i>	Nama gerak.
<i>Mambari Salam</i>	Awal pergerakan.
<i>Manapa</i>	Menapaki/mendatangi (dalam persembahan Luambek mendatangi nagari lain—yang melaksanakan alek nagari—dengan tujuan untuk bertanding atau berkompetisi. .
<i>Manapa seni, Mampahaluih budi</i>	Pergi mencari guru belajar silat dan ilmu untuk memperhalus budi bahasa.
<i>Medan nan Bapaneh</i>	satu tempat seni persembahan tradisional seperti gelanggang atau sasaran perguruan silat.
<i>Mundam Kalupak</i>	Sejenis benda dari logam berbentuk mangkok yang pinggirnya seperti kelopak bunga.
<i>Mudiak</i>	Bahagian depan, bahagian atas/utara.
<i>Munduae</i>	Melangkah mundur.
<i>Nasyabandiah</i>	Satu jenis aliran tarekat.

<i>Ninik Mamak</i>	Nama kumpulan orang-orang yang disegani oleh masyarakat di sebuah negeri. Ia biasa Bapak saudara dari pihak seseorang Ibu.
<i>Olai Dampeang; (Dampeang Lalu, Kaniro, Ton)</i>	Ucapan dalam penyambungan suara vokal dampeang dalam struktur Dampeang Batino.
<i>Olai yo Dampeang; (Dampeang oi, Jamang, Antah-antah, Hu Ha yau) Organ tunggal</i>	Ucapan lain dari Olai Dampeang dalam struktur Dampeang Jantan. Sejenis persembahan muzik dan lagu yang dipertandingkan.
<i>Padang</i>	sejenis senjata pedang atau nama sebuah Bandar.
<i>Paga diri</i>	Sesuatu untuk mempertahankan diri dengan menggunakan mantera atau pitunang.
<i>Paleh-paleh</i>	Tempat orang duduk yang terbuat dari buluh, kayu, pokok pinang atau pokok kelapa.
<i>Pamenan</i>	Permainan sebagai hiasan.
<i>Pangka</i>	Pangkal.
<i>Pangkatuo Randai</i>	Ketua kumpulan randai.
<i>Pangulu, Panghulu</i>	Nama gelaran seorang lelaki mengikut adat Minangkabau.
<i>Pangulu pucuk</i>	Seorang penghulu yang dituakan dan paling utama.
<i>Pantun</i>	Sejenis yang mempunyai sampiran atau pembayang pada kandungan akhir.
<i>Parewa</i>	golongan anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan.
<i>Pasambahan</i>	Acara mensyuarat duduk bersama dan saling menghormati.
<i>Bapasambahan</i>	Ucapan dalam muafakat adat.
<i>Pauleh</i>	perulasan, sambungna rumah, tali atau persahabatan dan persaudaraan.
<i>Pauleh Lumpuah</i>	Nama lain jenis persembahan.
<i>Pauleh Tinggi</i>	Nama lain jenis persembahan.
<i>Pauleh Randah</i>	Nama lain jenis persembahan atau klasifikasi persembahan yang agak kecil dari pada Pauleh Tinggi.
<i>Pawang</i>	Seseorang mempunyai kuasa luar atau ilmu mejik dan kepandaian mengubat orang lain.
<i>Pemanis suara</i>	Mantera untuk kemerduan suara.

<i>Pencak, Poncak</i>	Ialah tarian Pencak, menari seperti pencak atau nama lain untuk menyebut silat.
Pencak Silat	Pencak Silat ini sejenis seni persembahan rakyat, seperti bela diri yang banyak dipelajari oleh kaum lelaki dan dipersembahkan berpasangan.
<i>Pepatah petitih</i>	Ucapan yang mempunyai sampiran dan pembayang pada pantun atau gurindam adat.
<i>Pepatah dan Mamangan adat; “darek berpenghulu, rantau barajo” Perilaku Mistik</i>	sesuatu ungkapan dalam sastera Minangkabau. Perbuatan menggunakan mistik atau ghaib.
<i>Pidato (Pasambahan) Adat</i>	Ucapan dalam pelbagai upacara adat yang disampaikan dalam musyawarah adat dan disampaikan oleh penghulu, ninik mamak dan pemuka masyarakat tempatan. Mereka semua disebut Urang Nan Ampek Jinih.
<i>Pinang</i>	(<i>Areca catechu</i>) makan kelengkapan sirih.
<i>Makan Bungo Pinang Pitunang</i>	Acara makan bersama secara adat. Sejenis ilmu penarik hati atau penaik seri muka.
<i>Pitunang Kasih</i>	Pitunang digunakan untuk kasih sayang.
<i>Pitunang Penjaga Diri</i>	Pitunang yang diguna untuk mengawasi diri dalam bersilat.
<i>Mambaco Pitunang Pitunguae</i>	Membaca doa atau mantera. nama gerak, sikap dasar dalam tari dan silat atau kuda-kuda.
<i>Putuih Maripai</i>	Cara memutus Makrifat atau penamat kajian dalam ilmu mistik.
<i>Randai</i>	Sejenis seni persembahan berkumpulan dengan mengguna lakonan, tarian, nyanyian gurindam dan pantun jenaka.
<i>Randai Simarantang</i>	nama lain untuk menyebut randai, atau seseorang tokoh di dalam cerita randai (Simarantang).
<i>Randai Luambek</i>	Jenis kumpulan persembahan tarian awal dalam acara persembahan Luambek.
<i>Rang mudo</i>	Anak remaja atau anak muda-muda.

<i>Rantau</i>	Ialah daerah di sekitar dan di sekelilingi daerah darek (daratan).
<i>Rantau Barajo</i>	Masing-masing daerah rantau mempunyai seorang Raja kecil yang berdaulat ke Raja Pagaruyung.
<i>Rapa'i</i>	Sejenis kompang kecil atau rebana.
<i>Raso jo pareso</i>	Rasa dengna perasaan, sifat budi yang halus dan ditauladani.
<i>Ratik, Ratiek, Ratib</i>	Dalam bentuk ratib. Suluk, Wirid atau Suluk. Mereka duduk bersama sambil mengucapkan selawat dengan pelbagai rentak suara.
<i>Ratok</i>	Suatu penyajian tradisional bersuara liris, jenis lagu dendang.
<i>Rebana</i>	Sebuah persembahan dabus dengan menggunakan rebana.
<i>Rebana Dabus</i>	Sebuah persembahan Dabus dengan menggunakan rebana.
Ritual Mistik	Sebuah bentuk semangat dalam kepercayaan ghaib.
<i>Sadah</i>	Sejenis kapur sadah bahan kelengkapan makan sirih.
<i>Sakin</i>	Sejenis senjata pisau.
<i>Tari Sakin</i>	Tarian menggunakan sakin.
<i>Salam</i>	Bahagian struktur persembahan silat dan tari randai Luambek.
<i>Salam Sambah</i>	Nama gerak.
<i>Sambah Kadalam</i>	Nama gerak, pada sembah awal atau sembah pertama.
<i>Saluang</i>	Jenis muzik tiup dari buluh.
<i>Sambuik</i>	Nama gerak.
<i>Sapatagak</i>	Sebutan untuk satu pakaian yang lengkap, atau seseorang pesilat yang biasa bersama dan sekawan dalam mempersembahkan pergerakan.
<i>Sarawa Kandik</i>	Sejenis seluar untuk berlatih silat atau tarian.
Semangat Mistik	Suatu kekuatan dalaman atau <i>megical power</i> .
<i>Sepak Raga</i>	Permainan tradisional rakyat.
Serangan Jarak Jauh	Penyerangan dengan menggunakan kekuatan ilmu batin yang tidak tampak dengan mata biasa.
<i>Serunai</i>	Sejenis alat muzik tiup dari buluh.
<i>Sewah</i>	Sejenis senjata pisau.
<i>Tari Sewah</i>	Tarian yang menggunakan senjata sewah.

<i>Sialek</i>	Orang yang kumpulan tetamu yang datang ke tempat persembahan.
<i>Silat</i>	Sejenis permainan, pertarungan, persembahan silat atau pencak.
<i>Silat Usali</i>	Jenis silat asli atau lama atau Tuo.
<i>Silat Pusaka</i>	Jenis silat lama yang berhubungan dengan ghaib.
<i>Silat Kilek Jo Bayang</i>	Sebutan untuk silat tingkatan yang lebih tinggi dalam menuju silat ghaib.
<i>Sipangka</i>	Orang atau kumpulan penyelenggara upacara.
<i>Sirih</i>	Sejenis daun untuk makan sirih pinang.
<i>Sekapur Sirih Langkok</i>	Sebutan untuk makan sirih.
<i>Sorak Dampeang</i>	Suasana yang terjadi di dalam persembahan.
<i>Suku</i>	Sebutan untuk sekelompok puak (suku)
<i>Suku Koto, Suku Bodi, Koto,</i>	dalam sebuah negeri. Seperti Suku
<i>Suku Caniago, Suku Piliang</i>	Suku Caniago, Suku Piliang dan lainnya.
<i>Suluah, (Suluh)</i>	Sejenis lampu penerangan yang terbuat daripada daun kelapa kering.
<i>Suluak, (Suluk)</i>	Kumpulan yang mempelajari tarekat secara tradisional.
<i>Basuluak</i>	Seseorang mempedalami ilmu tarekat (agama) di suatu tempat.
<i>Sumando</i>	Sebutan seseorang lelaki yang tinggal dan datang ke rumah isteri.
<i>Sumarak</i>	Keindahan, atau sesuatu yang cantik dan megah pada suatu hiasan.
<i>Sumbang</i>	Sesuatu yang tidak kena, tidak elok atau salah.
<i>Sumbang salah</i>	Salah langkah.
<i>Sunting Niniak Mamak,</i>	Sunting hiasan oleh ninik mamak dalam
<i>Pamenan rang mudo</i>	negeri, pakaian pamenan oleh anak muda-muda. Ungkapan di dalam falsafah persembahan Ulu Ambek.
<i>Surau</i>	Tempat mengaji atau sembahyang.
<i>Surau Kaum</i>	Surau yang dibuat dalam satu kaum penghulu.
<i>Surau Korong</i>	Surau yang dibuat oleh masyarakat dalam negeri itu.
<i>Surau Guru</i>	Surau yang dibuat oleh murid-murid bersama pengikut gurunya.

<i>Syatariyah</i>	Satu jenis aliran tarekat.
<i>Tagak Bakampuang mamaga</i>	Tegak di kampung memagar kampung,
<i>Kampuang, tagak banagari mamaga</i>	tegak di negeri memagar negeri, (Gurindam adat).
<i>Nagari</i>	Sejenis benda berbentuk dulang yang diguna untuk muzik pengganti gendang.
<i>Talam</i>	Adalah susunan dari kumpulan cerita atau naskah lama mengisahkan persoalan adat, sejarah suatu kaum, rajah-rajah dari satu turunan keluarga dan lainnya.
<i>Tambo, (Teromba)</i>	Nama sebuah jenis gendang, istilah. Adalah satu istilah untuk menyebut kumpulan ahli yang datang dari pelbagai kelompok persembahan.
<i>Tambuae, Tamburah</i>	Jenis tarian dalam dunia tasawuf dengan cara tidak sedarkan diri.
<i>Tapaan</i>	Jenis tari tradisional.
<i>Tarian Mistik</i>	Adalah suatu fahaman di dalam Islam, contohnya ialah: Sammaniyah, Kadariyah. Di Minangkabau terkenal seperti; tarekat Biaro, tarekat Kapau, tarekat Bateh, tarekat Matua, tarekat Kaluat, dan tarekat Mim, tarekat Tujuh dan Suluak,. Semuanya ini dikembangkan oleh beberapa orang syeikh dan terdapat di daerah perdalaman Minangkabau.
<i>Tari Pencak</i>	Nama gerak dalam Luambek— kembali ke tempat masing-masing.
<i>Tarekat</i>	Sejenis Hiasan dalaman di langit-langit laga-laga.
<i>Tikam jejak</i>	Sejenis hiasan berbentuk kolam, diistilahkan dengan <i>Mirat Tulab</i> juga digantung di langit-langit laga-laga.
<i>Tirai Bacancang Ketek</i>	Nama lain untuk perdagangan, politik, dan adat di Padang Pariaman masa lampau.
<i>Tirai Bakolam</i>	Seseorang yang ditunjuk sebagai ketua di dalam persembahan Randai disebut <i>Tukang Aliah Randai</i> .
<i>Tujuh Tumpuk Pariaman</i>	Ketua yang memberikan isyarat dalam randai Ulu ambek.
<i>Tukang Aliah</i>	Seseorang memainkan gendang. Sebagai ketua dalam randai.
<i>Tukang Goreh. Pendokian</i>	
<i>Tukang Gandang, Tukang Tasa</i>	
<i>Tukang Aliah Randai</i>	

<i>Tungkek</i>	Sejenis Tongkat
<i>Tungku Nan Tigo Sajarangan</i>	Orang yang berhimpun dalam lembaga adat sebagai penghulu, alim ulama dan cerdik pandai.
<i>Tuo Randai</i>	Sebutan seorang jurulatih atau ketua kumpulan.
<i>Tusuak</i>	Nama gerak.
<i>Ubek Suaro</i>	Ubat suara, Ubat suara dampeang.
<i>Ulu Ambek</i>	Juga sebutan sebuah seni persembahan di Padang Pariaman.
<i>Ulu</i>	Sebuatan untuk kata Hulu, Awal, di atas, bahagian pangkal atau mula-mula.
Undang-undang adat permainan	Suatu peraturan adat yang tidak tertulis dalam persembahan Ulu Ambek.
<i>Urang tigo Jinieh</i>	Sebutan kepada sekelompok masyarakat yang memimpin pemerintahan nagari di Minangkabau.
<i>Urang Sumando</i>	Adalah sebutan untuk seorang lelaki (suami) yang tinggal bersama isterinya.
<i>Usul Suluk (Martabat Tujuh)</i>	Pengetahuan tarekat di Minangkabau.

**PERSEMBAHAN LUAMBEEK DALAM ALEK NAGARI DI
PARIAMAN MINANGKABAU SUMATERA BARAT
INDONESIA:
MAKNA DAN FALSAFAH**

ABSTRAK

Luambek merupakan seni persembahan yang tumbuh, hidup dan berkembang di daerah Minangkabau yang disebut ‘Pariaman’. Sehingga kini kesenian Luambek masih bertapak dalam lingkungan masyarakat tempatan. Tujuan penelitian ini adalah untuk mengkaji dan mengungkap makna dan falsafah yang terkandung dalam persembahan Luambek dalam acara *alek Nagari* di wilayah Pariaman.

Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini menggunakan pendekatan etnografi dan pengumpulan data dilaksanakan dengan pembacaan sumber-sumber tertulis, observasi, dan temubual. Langkah yang dominan dilakukan untuk mengumpulkan data adalah melakukan temubual dengan informan, dan dengan ahli-ahli budaya serta ahli-ahli daripada Luambek, yang bertujuan menyokong penginterpretasian peneliti dalam menemukan makna dan falsafah Luambek. Observasi (pengamatan langsung) juga dilakukan di arena upacara dalam acara ‘*alek Nagari*’ di sekitar daerah Pariaman. Analisis data dilakukan dengan merujuk cara analisis etnografi.

Hasil yang ditemukan daripada penelitian ini iaitu, Luambek sebagai seni tarung (dalam konsep pertentangan) membawa erti iaitu sesuatu kehati-hatian, dan kesiapan diri ketika bertemu dan menghadapi serangan musuh, baik persiapan secara fizik mahupun mental, dan spiritual. Secara hakikatnya adalah menyatukan diri, iaitu tubuh kasar dan tubuh halus seperti berada dalam kungkungan Allah, yang berasaskan ‘keyakinan’ atas kefahaman terhadap ajaran Islam aliran tarekat ‘Syattariyah’. Falsafah Luambek iaitu merupakan sesuatu yang mengagungkan nilai-nilai ke Tuhanan, iaitu Allah yang merupakan sesuatu

zat yang mampu menjadi penentu dari segala kekuatan daripada makhluk manusia. Selari dengan itu, makna daripada Luambek ialah sebuah pertanda bahawa *Niniak mamak* merupakan seseorang yang berkuasa ke atas kemenakannya dan ahli keluarganya. Sebab itu, Luambek dituntut menjadi milik *Niniak mamak* sebagai media untuk memperjelas kewibawaannya, iaitu sebagai orang yang beradat-istiadat dan berilmu/agama dengan menyebut Luambek sebagai '*Suntieng Niniak mamak, Pamenan Anak mudo*'. Oleh demikian, maka Luambek tidak boleh keluar dari tempat asal masyarakat pemiliknya iaitu Pariaman.

LUAMBEK PERFORMANCE IN ALEK NAGARI IN WESTERN SUMATRA INDONESIA PARIAMAN, MINANGKABAU: MEANING AND PHILOSOPHY

ABSTRACT

Luambek is a performing art which grew, lived and spread in Minangkabau district called Pariaman'. Until today, Luambek still treads in local community. The purpose of this study is to investigate the meaning and philosophy that contains in Luambek presentation in alek Nagari in Pariaman province.

The method used in this study is the ethnography approach and the data collection conducted through reading resources which were written, observed, and interviewed. The best way to do this is to carry out an interview with the informants, and with the cultural members and members from Luambek , in order to support the interpretation of the investigator to bring together the Luambek meaning and philosophy. Observation (direct perception) also been done in the ceremony in an 'alek nagari' event around Pariaman district. Analysis of the data carried out by referring to the ethnography analytical method.

The result obtained from this study are, Luambek known as art to strive (in opposition concept) signifies as being careful, and getting ourselves ready to meet and face the enemy, either physically, mentally or spiritually. In other words, is to unite the body with another being like being with Allah, which is based on 'confidence' on comprehension which is based on the *tarekat* Islamic teachings 'Syattariyah'. Luambek philosophy is something that values itself to divinity, namely Allah that is a power that can become determinant from all strengths of human. Similarly, meaning from Luambek is a sign of that chief who is the one powerful on siblings and the family members. Because of that, Luambek is claimed to become the property of the chief as a medium to clarify the authority, namely as people who performs ceremony and knowledgeable in religion by mentioning Luambek as '*Suntiang Niniak Mamak, Pamenan Anak mudo*'. Therefore, Luambek cannot leave the original owner of it's society that is the Pariaman.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengkajian

Tesis ini bertujuan untuk menjelaskan dan menganalisis makna dan falsafah persembahan Luambek dalam *alek nagari*¹ di daerah Pariaman² Minangkabau³ Sumatera Barat Indonesia. Di dalam pengkajian ini, akan mengkaji tentang kesenian Luambek dalam komuniti masyarakat Pariaman sebagai pemilik dan pendokong yang mewujudkan kesenian ini menjadi bermakna/mengandung falsafah.

Kajian mengenai makna dan falsafah ini akan diawali dengan menerangkan dan menganalisis suatu acara yang disebut sebagai *alek nagari*. Pengertian '*alek*' dalam konteks ini sama dengan pesta dan '*nagari*' sama dengan kampung. Jadi yang disebut '*alek nagari*' adalah 'pesta kampung'. Acara ini dilaksanakan atau dipersembahkan untuk masyarakat tempatan dengan mempersembahkan bermacam hasil kebudayaan, sebahagiannya kesenian dan seni-seni tradisional baik yang berasaskan muzik mahupun tari.

¹ *Alek nagari* ialah sebuah acara pesta negeri, di mana dalam acara tersebut boleh dipersembahkan berbagai kesenian di antaranya ialah kesenian Luambek.

² Pariaman adalah salah satu daripada daerah budaya Minangkabau yang terletak di pinggir pantai barat daya propinsi Sumatera Barat.

³ Minangkabau merupakan sebutan terhadap suatu wilayah yang dihuni oleh kelompok etnis yang juga disebut Minangkabau.

Struktur sosial dan budaya masyarakat tempatan sangat memegang peranan dalam pelaksanaan acara ini. Nilai-nilai kehidupan, iaitu faktor sosial, budaya, politik, ekonomi, dan agama serta kepercayaan masyarakat—Islam mistik dalam kelompok tarekat—yang menempati daerah atau wilayah budaya Pariaman telah menjadikan corak persembahan kesenian Luambek memiliki identiti dan keunikan yang tersendiri. Demikian pula kewujudan Luambek sampai kini masih aktif dan berkembang di sekitar daerah budaya Pariaman. Persembahan kesenian Luambek khusus untuk *alek nagari* yang dilaksanakan di *nagari-nagari* yang termasuk di dalam wilayah Pariaman yang dalam erti tidak dipersembahkan oleh masyarakat lainnya di Minangkabau—di luar daerah Pariaman—pada acara *alek nagari*.

Persembahan Luambek memiliki fungsi-fungsi tertentu, terutama untuk mengintegrasikan masyarakat—sebagai media keakraban antara keluarga, masyarakat kampung, dan antara orang-orang kampung dengan kampung lainnya. Fungsi lainnya adalah sebagai media pendidikan—pendidikan moral/etika dan agama/spiritual yang mencapai tingkat keTuhanan. Sebagai suatu pernyataan budaya, Luambek memiliki peranan dalam menyampaikan nilai-nilai adat yang dianut oleh masyarakat, iaitu nilai etika—sikap menghormati, patuh, serta menjaga harkat dan martabat oleh kaum muda terhadap kaum tua, seperti sikap membela bagi *kamanakan*⁴ terhadap *mamak*⁵. Sampai masa sekarang kesenian Luambek masih dipersembahkan dalam masyarakat, walau kekerapan persembahannya sudah agak jarang—dibandingkan dengan sebelum

⁴ *Kamanakan* merupakan anak dari saudara perempuan oleh laki-laki di Minangkabau.

⁵ *Mamak* merupakan saudara laki-laki dari ibu.

tahun 1980-an--), kerana *alek nagari* sudah jarang pula dilaksanakan (tidak lagi secara rutin setiap tahun dilaksanakan di masing-masing *nagari*). Hal ini disebabkan masalah kewangan untuk biaya pelaksanaan pesta.

Semenjak tahun 1970-an, kesenian Luambek mengalami suatu perubahan konsep terhadap fungsi persembahannya. Sebelum tahun 1970-an konsep persembahan lebih tertuju untuk pertandingan—pertandingan ilmu kebatinan yang boleh mengakibatkan kecelakaan terhadap nyawa seseorang—dan diubah penekanannya yang mengutamakan konsep persaudaraan. Perubahan ini bersesuaian dengan erti persembahan Luambek sebagai “*alek pauleh*”⁶ yang bererti satu pesta yang dijadikan wadah untuk pertemuan dalam aktiviti bersilahturrahim bagi para anggota masyarakat.

Walau demikian, sehingga kini konsep pertandingan masih dapat dikesan melalui perilaku para penari pada masa penampilan, seperti halnya bersalaman dengan para orang tua yang disebut “*Niniak mamak*”⁷, termasuk dengan para *Tuo* (guru) Luambek dari daerah mereka masing-masing. Perilaku bersalaman yang dilakukan adalah dengan cara duduk bersimpuh (rujuk Lampiran 1 Gambar 20.1 dan Gambar 20.2) berhadapan dan bertatapan dengan penuh konsentrasi yang pada titik akhirnya bersalaman begitu erat seperti ada yang diterima atas sesuatu yang diberi. Hal ini dilakukan adalah menurut etika dalam meminta izin pada guru atau mendapat keredhaan para orang tua untuk anak muda sebelum

⁶*Alek pauleh* merupakan sesuatu helat (pesta) rakyat—dari rakyat dan untuk rakyat—yang divisualkan melalui persembahan Luambek yang mempunyai fungsi sebagai pengulas (penyambung) silahturrahim dari antara anggota masyarakat pendukung kesenian Luambek.

⁷*Niniak mamak* adalah terdiri dari para penghulu—utusan dari kelompok-kelompok keluarga yang disebut ‘sasuku’--yang ada di dalam satu lingkungan *nagari*.

melakukan suatu aktiviti—persembahan Luambek. Sampai sekarang masih diyakini oleh masyarakat, bahawa dalam masa persembahan ada kemungkinan akan boleh mendatangkan malapetaka. Perilaku bersalaman masih diakui dalam struktur persembahan sebagai peluang untuk memberikan suatu kekuatan secara kebatinan (tenaga dalaman) ke dalam diri penari oleh para guru dan para orang tua (yang disebut *Niniak mamak*). Perilaku ini merupakan kewujudan dari kepercayaan masyarakat Pariaman pada amnya yang merupakan fahaman atas pengajian-pengajian tentang keTuhanan secara tarekat /pelajaran tasawuf.

Pelaksanaan persembahan Luambek dalam sesuatu upacara '*alek nagari*' harus melalui sistem yang telah diatur dan disepakati serta dipatuhi semenjak dahulu oleh komuniti pendukung kesenian ini yang diaplikasikan pada elemen-elemen Luambek dan syarat-syarat pelaksanaan persembahan serta persiapan dan struktur persembahannya. Untuk syarat-syarat dalam pelaksanaan persembahan ada ketentuan-ketentuan yang sudah ditetapkan menurut ketetapan adat tempatan dan harus dipatuhi. Apabila syarat-syarat tidak dipenuhi (ketentuan atau aturan-aturan) yang sudah disepakati, maka persembahan tidak boleh dilaksanakan atas ketetapan oleh pemuka adat sebagai pengambil keputusan. Syarat-syaratnya seperti harus ada aspek-aspek pelaku yang terdiri dari: *Niniak Mamak* (pada amnya terdiri dari para penghulu), Alim Ulama, *Cadiak Pandai* (cendekiawan), *Anak Mudo* (anak muda) dan *Kapalo Mudo* (ketua pemuda) serta para *Janang*⁸ yang kesemua ini masing-masing memiliki peranan dalam pelaksanaan persembahan. *Niniak Mamak*, Alim Ulama, dan *Cadiak Pandai* merupakan para

⁸*Janang* adalah orang yang berperanan sebagai wasit dalam persembahan Luambek. Janang bertugas untuk mengelola gerakan-gerakan yang dilakukan oleh para penari semasa persembahan berlangsung (rujuk huraian tentang Janang pada sub bab 4.2.1.3 dalam bab empat).

pelaku yang harus hadir pada masa pelaksanaan upacara yang memiliki kekuasaan dalam mengambil keputusan, dan sebaliknya dia bukan berperanan sebagai pelaku tarian atau penari dan pelaku muzik. Di samping itu, *Anak Mudo* dan *Kapalo Mudo* yang terdiri daripada Penari, Penyanyi muzik vokal/*Dampeang* dan *Janang/Wasit* merupakan pelaku yang terlibat langsung dalam mempersembahkan Luambek.

Kesenian Luambek tidak boleh dipersembahkan pada sembarang masa selama acara pesta—tidak boleh di tengah atau di akhir—tetapi harus pada bahagian awal dari jadual di dalam acara pesta. Kesenian ini dipersembahkan pada hari pertama sampai hari kelima, dan hari-hari berikutnya baru diperbolehkan mempersembahkan kesenian-kesenian yang lain, seperti kesenian Indang, Randai, dan sekarang juga ada muncul kesenian moden, iaitu seni muzik organ tunggal. Boleh dikatakan di sini, bahawa penentuan jadual persembahan ini sangat berkait dengan simbol yang dilekatkan pada Luambek sebagai--“*suntiang⁹ niniak mamak, pamenan dek nan mudo*” (sunting *Niniak mamak*, permainan oleh anak muda)—media dalam menyampaikan idea/gagasan dan pemikiran masyarakat. Sehingga kini, kesenian ini masih dapat ditemui di Pariaman di lingkungan masyarakat pendokongnya. Pariaman merupakan bahagian wilayah budaya Minangkabau yang secara konvensional disebut daerah *rantau*. Secara geografinya daerah ini terletak di sekitar pinggir pantai barat Minangkabau dan menurut pentadbiran wilayah secara administratif termasuk wilayah kabupaten Padang Pariaman propinsi Sumatera Barat Republik Indonesia.

⁹ *Suntiang* adalah sesesatu perhiasan kepala yang merupakan kewujudan dari sesesatu kemegahan.

Tempat persembahan Luambek yang disebut “*laga-laga*” (rujuk Lampiran 1 Gambar 4)—berbentuk rumah kayu yang lantainya terdiri dari buluh yang dibelah disusun rapat dan diikat dengan tali (disebut jalinan tulang belut) dan ditinggikan dari tanah lebih kurang 30 cm. Pada tempat persembahan yang berbentuk segi empat sama sisi dan diberi atap—merupai bentuk surau—yang disertai kelengkapan lainnya, seperti tilam ditempatkan pada dua sisi secara berhadapan untuk tempat duduk para *Niniak mamak*—termasuk Alim Ulama. Pada bahagian atas—langit-langit atap—dipasang beberapa macam *tirai* (perlengkapan adat) dan *tirai* warna kuning (rujuk Lampiran 1 Gambar 8) yang diakui sebagai milik Alim Ulama. Benda-benda ini disertakan sebagai syarat dan pelengkap upacara, namun semua aspek ini memiliki fungsi secara adat dan sebagai simbol dalam pernyataan budaya yang dikemas ke dalam sebuah seni pertunjukan—Luambek yang mengandung erti bahawa dalam persembahan Luambek mengandung nilai ajaran Islam atau makna keagamaan. Tirai yang dilingkari warna kuning milik Alim Ulama sebagai perwujudan simbol cahaya—pancaran cahaya Allah menurut ajaran tarekat.

Menurut sistem pelaksanaan, persembahan Luambek harus menurut urutan dalam susunan upacara sebagaimana yang sudah ditetapkan dan disepakati semenjak dulu. Urutan yang sudah ditentukan sebagai bahagian yang terdahulu tidak boleh dikemudiankan dalam pelaksanaannya. Sepertinya semua aspek yang disusun menurut urutan pelaksanaan sudah memiliki satu kesatuan yang saling memiliki kaitan masing-masing dengan bahagian-bahagian urutan dalam membentuk kesatuan. Urutan dalam struktur pelaksanaan yang dimaksud adalah persiapan

dan muafakat adat, *mamanggia* (memanggil, maksudnya mengundang), *balingkuang* (berunding dengan posisi duduk melingkar antara para pelaku pelaksana upacara untuk mencari kata sepakat dalam hal persembahan Luambek), menanti '*alek*'¹⁰ *tibo* (tamu tiba), *baretong basitinah sambah* (bersembah-sembahan sebagai penghormatan oleh yang mengadakan pesta terhadap tamu), persembahan kesenian Randai Luambek, persembahan kesenian Luambek, dan mengembalikan pakaian *niniak mamak* serta *bukak tirai* (membuka atau melepas tirai). Semua aspek ini sudah jelas memiliki makna yang sehati dalam upacara dengan persembahan Luambek.

Tesis ini juga menyentuh elemen-elemen yang wujud dalam persembahan Luambek pada sebuah persembahan. Elemen-elemen pendukung terhadap persembahan, iaitu waktu dan tempat pelaksanaan, para pelaku—penari, pemuzik, dan *janang* (berperanan sebagai wasit semasa persembahan)--, penonton, gerakan tari, pola lantai, muzik, tata rias dan kostum. Perhimpunan elemen-elemen ini menjadi faktor pendukung yang secara objektif dapat dikesan ketika masa persembahan. Elemen-elemen dimuati pesan dalam kesatuan makna melalui simbol-simbol terhadap Luambek sebagai sebuah ciptaan seni dan sebagai suatu pernyataan budaya. Struktur persembahan juga akan dikaji pelaksanaannya melalui tahap-tahap, seperti memakai pakaian tari, bersalaman sebelum persembahan, pesembahan tari, dan penutup dengan penyajian *carano* (tempat sirih). Ini bagi mengenalpasti objektif persembahan dilaksanakan agar dapat dikesan simbol yang wujud sebagai tapak untuk menyusur makna.

¹⁰ *Alek* dalam konteks ini adalah dimaksudkan untuk penyebutan terhadap para tamu.

Dalam pengajian makna akan dilakukan penganalisisan yang memabitkan simbol terhadap aspek-aspek yang wujud dalam persembahan yang sehati dengan upacara. Pengajian akan dilakukan dengan menafsirkan dan menganalisis secara mendalam simbol-simbol yang wujud di dalam Luambek. Kajian ini juga membahaskan pandangan masyarakat, para pendokong kesenian Luambek—pakar-pakar atau para guru baik yang dahulunya sebagai penari mahupun sebagai pemuzik. Tidak ketinggalan para penari dan pemuzik yang masih aktif, para *Niniak mamak* yang diakui sebagai pemilik kesenian ini yang masih berperanan aktif setiap pelaksanaan upacara, dan peminat-peminat Luambek, mengenai penghargaan atau pandangan mereka terhadap Luambek sebagai sebuah seni pertunjukan yang menyandang peranan utama dari seni-seni lainnya di dalam acara *alek nagari*. Bahasan ini akan memberi fahaman tentang konsep pemikiran masyarakat yang wujud dalam kesenian Luambek dan ini tahap penganalisaan untuk menemukan nilai yang terkandung dalam Luambek yang lebih lanjut menyusur makna secara mendalam, iaitu falsafah. Demikian pula bahasan tentang pandangan masyarakat pendokong kehadiran keberadaan atas kelestarian kesenian ini.

1.2 Objektif Kajian

Tesis ini bertujuan untuk menerangkan dan menganalisis tentang makna dan falsafah persembahan Luambek dalam Alek Nagari di Pariaman Minangkabau Sumatera Barat, Indonesia. Sebagai sebuah pernyataan budaya, kesenian Luambek sudah jelas memiliki nilai-nilai tertentu atau tersendiri oleh masyarakat pendukungnya (masyarakat Pariaman) yang dipersembahkan khusus pada suatu

acara, yakni “*alek nagari*”. Oleh kerana itu, peneliti melakukan pengkajian untuk mengungkap makna persembahan Luambek secara mendalam, agar terungkap makna yang terselubung, yakni falsafah Luambek. Pengungkapan berlandaskan: (1) menurut konsep Luambek (pertarungan) dalam pengertian Luambek—*lalu* dan *ambek*; (2) pada konsep kepemilikan Luambek, yaitu—“*suntiang niniak mamak pamenan anak mudo*”; (3) fungsi persembahan Luambek; dan (4) lingkup wilayah keberadaan Luambek.

1.3. Hipotesis

Luambek merupakan penataan dari tema: ketangkasan, kehati-hatian, ketaatan, dan keyakinan yang tema-tema ini secara hakikat esensialnya menjadi ikon dalam suatu pandangan khusus. Kesenian Luambek yang bermaksud ‘*lalu*’ dan ‘*ambek*’ (*lalu* atau lewat dan hambat) atau yang mengandung erti ‘serang’ dan ‘tangkis’ merupakan suatu simulasi formal dari kehati-hatian dalam melalui atau melewati sesesatu (*jalan*) dan menghambat atau menghadang sebagai suatu kesiapan diri terhadap tantangan yang datang, (baik kesiapan secara fizik mahupun kesiapan mental dan spiritual).

Luambek masih tetap bertahan sampai masa kini adalah kerana kesenian ini merupakan kewujudan keyakinan atas faham mistis dari tarekat Syattariyah, iaitu hasil dari kefahaman masyarakat atas mendalami ajaran Islam aliran Syiah. Sikap keyakinan, iaitu mempersatukan diri secara vertikal dengan Allah untuk perlindungan—hakikat ke Tuhanan. Faham mistis dari tarekat Syattariyah masih dianut oleh masyarakat Pariaman pada amnya sampai kini, meskipun sudah

terjadi pembaharuan-pembaharuan ajaran Islam di Minangkabau, seperti paham Padri dan Muhammadiyah.

Di sisi lain, keberadaan Luambek masih dipertahankan oleh masyarakat pendukung kesenian ini, terutama oleh *Niniak Mamak* (para Penghulu) sebagai pengukuhan adat serta status *Niniak Mamak* dalam struktur masyarakat wilayah Pariaman. Persembahan diikat dengan aturan-aturan—mencakup elemen-elemen, struktur dan sistem—melalui upacara-upacara dalam pelaksanaan persembahan sehingga Luambek masih kekal sebagai milik “*Niniak Mamak*” dan “*pamenan Anak Mudo*” di *nagari*.

1.4 Definisi Operasional

Definisi, iaitu beberapa istilah seperti: makna dan falsafah, *alek nagari*, kesenian Luambek, tari tradisional Minangkabau, sosial budaya masyarakat Minangkabau, serta agama dan kepercayaan masyarakat Minangkabau diterangkan di bawah ini.

1.4.1 Makna dan Falsafah

Perkataan makna diertikan sebagai ‘erti’, atau ‘maksud’. Untuk definisi ‘makna’ di dalam konteks tesis ini adalah kajian makna terhadap kesenian Luambek yang dipersembahkan pada *alek nagari*. Luambek merupakan produk budaya masyarakat Pariaman Minangkabau sebagai sesuatu tindakan yang mewujudkan pesan melalui kesenian ini dengan memakaikan banyak simbol. Oleh sebab itu, perwujudan persembahan Luambek merupakan sebuah entiti bermakna yang boleh ditafsirkan secara keseluruhan. Selanjutnya menurut Ricoeur: “Tindakan

manusia sama halnya dengan teks bacaan, yaitu mengungkapkan makna serta rujukan yang mempunyai struktur internal serta proyeksi (pancaran) kepada dunia di luarnya” (dalam Syukri 2006:22). Oleh sebab itu, penginterpretasian terhadap simbol-simbol untuk menafsirkan makna tidak hanya pada tingkat permukaan (memberi erti simbol secara harfiah), tetapi pengungkapan makna juga dilakukan dengan pengalisan simbol-simbol yang digunakan dalam menghadirkan kepada dunia luar dari objek persembahan, yaitu yang berhubungan dengan wujud kebudayaan masyarakat pendokong Luambek— masyarakat Pariaman.

Persembahan Luambek memiliki konteks dengan upacara, sehingga tatacara pelaksanaan juga harus mengikuti aturan yang berlaku di dalam upacara. Secara strukturnya persembahan Luambek memiliki hubungkait yang sangat erat dengan upacara, maka penyusunan makna akan dilakukan penafsiran yang lebih dihadapkan kepada ‘kiasan makna’ yang bererti bukan makna yang sebenarnya, tetapi memberi erti atau mengiaskan sesuatu, seperti Luambek yang lazim sebagai “*suntiang Niniak mamak, pamenan dek nan mudo*. Kata-kata ini merupakan ungkapan dari beberapa rangkaian kata pepatah dan petitih yang mengandung erti adat Minangkabau. Ungkapan ini bukan dalam erti yang sama dengan erti sebenarnya atau yang sesuai menurut kata-kata (erti tersurat) yang tercakup di dalam kalimat ini, namun erti kiasan dari kata-kata yang secara berstruktur dalam kalimat yang mempunyai hubungkait dengan adat yang juga terungkap melalui pepatah petitih. Secara etnografi menurut (Spradley 1997: 5), yaitu dalam setiap masyarakat, orang tetap menggunakan sistem makna yang

kompleks untuk mengatur tingkah laku mereka, untuk memahami diri mereka sendiri dan untuk memahami orang lain, serta untuk memahami dunia di mana mereka hidup. Jadi, makna yang diungkap pada Luambek tidak hanya secara tersurat, tetapi akan disusuri makna secara tersirat, dan bahkan akan dilakukan penyusuran makna secara lebih mendalam yang dikatakan sebagai ‘kajian falsafah’.

Perkataan ‘falsafah’ dari segi etimologi bererti “anggapan, gagasan, dan sikap batin yang paling dasar yang dimiliki oleh orang/masyarakat; pandangan hidup. Pengertian falsafah yang dimaksudkan di dalam tesis ini adalah falsafah yang terkandung dalam Luambek sebagai satu benda seni. Luambek memiliki erti bagi masyarakat, hal ini secara wujud dapat dimengerti dengan hadirnya kesenian ini di dalam satu upacara yang disebut ‘*alek nagari*’. Demikian pula menurut jadual persembahan, Luambek yang menduduki urutan awal di dalam pelaksanaan upacara merupakan satu pemberian penjelasan bahwa kesenian ini memiliki peranan. Kesenian Luambek sebagai kesenian tradisional masyarakat Pariaman, dijadikan wadah bagi masyarakat tempatan di dalam menempatkan ‘anggapan-anggapan’ yang merupakan sebahagian dari hasil ‘imaginasi’ yang menuju sampai pada tingkat ‘intuisi’ oleh masyarakat pada masa lalu sebagai sesuatu pewaris. Luambek sebagai benda seni memiliki kapasiti untuk dimuatkan satu gagasan atau sikap batin yang paling dasar yang dimiliki oleh masyarakat Pariaman. Mengkaji falsafah dalam Luambek, bererti membahas pandangan hidup dan prinsip-prinsip adat masyarakat pendokongnya—masyarakat Pariaman yang merupakan sebahagian dari masyarakat Minangkabau.

Pengertian-pengertian dari falsafah yang diaplikasi ke dalam kesenian Luambek dapat dilihat melalui simbol-simbol pada masa persembahan. Hal ini dapat dijadikan tapak untuk menyusuri makna secara mendalam atau penganalisaan di dalam menemukan falsafah. Masing-masing simbol mempunyai erti yang berhubungkait dengan sesuatu fenomena kehidupan masyarakat yang tidak sepenuhnya dapat diketahui pada permukaan (Jung:1875-1961, dalam Van Baal 1988: 44) atau yang terbaca langsung secara tersurat pada simbol. Erti dari simbol-simbol dapat dimengerti dengan mengamati seluruh aspek yang melingkupi kehidupan Luambek dan juga berasaskan kefahaman atas informasi-informasi yang didapatkan—sebagai impian-impian—dari para informan dan nara sumber pendokong Luambek. Hal ini dilakukan untuk mendapatkan kefahaman terhadap simbol itu sendiri yang difungsikan oleh pencipta karya seni Luambek sebagai penanda untuk menunjukkan tanda yang dimuati oleh aspek mental atau konseptual. Makna-makna hanya dapat diperoleh melalui analisis terhadap satu jenis khalayak sahaja, iaitu khalayak homogen (Mohd. Kipli 2009: 4). Ertinya, hanya terhadap para pendokong Luambek sahaja, kerana pendatang dari luar pada amnya tidak faham akan nilai-nilai persembahan Luambek yang diwujudkan dengan banyak simbol. Untuk tingkat lanjutnya, kefahaman sebagai asas dalam bekerja secara perspektif untuk menganalisis tanda secara mendalam sebagai langkah untuk menuju ke tingkat penemuan makna yang hakiki—tingkat falsafah.

Hal yang sama menurut Saussure (dalam Sunardi), di mana tanda terdiri daripada tiga bahagian, iaitu: (1) tanda itu sendiri; (2) aspek material dari tanda sebagai

media untuk menandakan atau yang dihasilkan oleh aspek material (*signifier*); dan (3) aspek mental/konseptual yang ditunjuk oleh aspek material (*signified*). Selanjutnya pernyataan Saussure, bahwa tanda yang dianalisis mempunyai peluang untuk dihubungkan dengan tanda-tanda lain atau memiliki hubungan eksternal dalam mencapai pengungkapan, yaitu mengertikan tanda sampai pada tingkat aspek mental atau konseptual. Hubungan tersebut ialah: 1) hubungan simbolik= hubungan tanda dengan dirinya sendiri (hubungan internal); 2) hubungan paradigmatis=hubungan tanda dengan tanda lain dari satu sistem atau satu kelas; dan 3) hubungan sintagmatik=hubungan tanda dengan tanda lain dari satu struktur. Pada bahagian hubungan 2 dan 3 merupakan hubungan eksternal. (2004: 46). Di dalam penganalisan simbol-simbol yang terdapat dalam Luambek dilakukan penyusunan dan diadakan tatahubungan dari simbol-simbol yang berasaskan kefahaman terhadap pemikiran-pemikiran para pendokong Luambek yang didapat dari hasil temubual. Penjelasan tentang penganalisan terhadap masing-masing simbol yang dijabarkan ke dalam penanda dan petanda dengan huraian di bawah ini.

Melalui tatacara dan sistem pelaksanaan persembahan Luambek pada upacara '*alek nagari*' di Pariaman, kesenian ini memiliki peranan bagi masyarakat sebagai media bagi mengungkapkan sikap batin yang dimiliki oleh masyarakat Pariaman. Pesan berupa nilai-nilai yang disampaikan, merupakan aspek-aspek dalam kehidupan yang sudah diatur menurut tatacara yang pada akhirnya menjadi suatu ketentuan sebagai pedoman, iaitu menjadi 'pandangan hidup' dan ini merupakan hasil dari pemikiran-pemikiran para anggota masyarakat Pariaman. Untuk

mengkaji falsafah Luambek akan dilakukan penganalisaan secara mendalam terhadap lapisan-lapisan elemen-elemen struktur Luambek melalui simbol-simbol yang dikesan pada masa persembahan dan dapat ditafsirkan untuk menyusuri konsep pemikiran masyarakat yang wujud di dalam Luambek. Seperti salah satu aspek, misalnya tatacara menampilkan kesenian Luambek yang diharuskan pada bahagian awal, ini merupakan wujud dari sebahagian tata kehidupan tentang etika—nilai penghormatan terhadap ‘para orang tua kampung’ iaitu tokoh-tokoh adat yang terdiri daripada para Penghulu yang disebut “*Niniak mamak*”. Untuk sampai pada nilai falsafahnya perlu dilanjutkan penyusuran dengan menganalisis konsep tentang ‘menghormati para orang tua’ dengan semacam pertanyaan ‘mengapa’ yang dicari hubungkait jawabannya sesuai dengan tatacara atau aturan-aturan kehidupan dalam masyarakat. Begitupun, terhadap semboyan yang dipakaikan pada Luambek ‘*suntiang Niniak mamak pemenan dek nan mudo*’, semboyan ini didalami dengan menelusuri pertanyaan: ada apa, dan mengapa untuk menemukan falsafahnya.

1.4.2 Alek Nagari dan Kesenian Luambek di Pariaman

Alek nagari atau pesta *nagari* merupakan suatu pesta tradisional yang dilaksanakan oleh rakyat atau masyarakat tempatan. Pesta ini dihadiri secara beramai-ramai oleh rakyat—termasuk masyarakat dari *nagari* lain yang dianggap sebagai tamu—di sekitar *nagari* yang mengadakan pesta. Di dalam upacara/majlis *alek nagari* atau pesta rakyat ini banyak diwujudkan karya cipta manusia—seni budaya—untuk hiburan bagi masyarakat, termasuk pertunjukan seni-seni tradisional tempatan. Aktiviti *alek nagari* biasanya dilaksanakan

berturut-turut selama lebih kurang 30 hari pada masa malam hari yang dipertanggungjawabkan kepada para anggota masyarakat tempatan. Pada setiap *nagari* mempunyai hak kekuasaan eksekutif, legislatif, dan yudikatif yang sepenuhnya dipegang oleh penghulu dan Dewan Kerapatan Adat dalam *nagari* itu sendiri. Masing-masing *nagari* memiliki pemerintahan yang autonomi dan mempunyai susunan pemerintahan yang sempurna. Oleh kerana itu, apabila terdapat kegiatan dalam masyarakat pada sebuah *nagari*, maka sepenuhnya secara konvensional dilaksanakan oleh anggota masyarakat tempatan yang sudah diatur melalui musyawarah dan muafakat.

Semenjak dahulu, *alek nagari* di Minangkabau merupakan semacam wadah di dalam menghimpun masyarakat yang memiliki kekuatan politik, ekonomi, dan budaya. Upacara/majlis *alek nagari* atau pesta rakyat ini dimanfaatkan untuk mewujudkan hasil kreativiti seni masyarakat sebagai kesenian oleh rakyat dan untuk hiburan bagi rakyat. Apabila ada pelaksanaan *alek nagari*, sudah jelas terjadi satu peristiwa, iaitu festival seni rakyat/seni tradisional, seperti muzik *Talempong, Saluang, Rabab, Randai*, bermacam penampilan muzik gendang, dan tari-tarian tradisi—*Galombang*, tari Piring, Indang—serta tari-tarian yang beraliran pencak silat (tari *Sewah*, tari Pedang). Akan tetapi pada masa sekarang sudah muncul kesenian-kesenian yang berbentuk moden, seperti muzik elektronik organ tunggal.

Setiap pelaksanaan *alek nagari* pada *nagari* di Minangkabau dipersembahkan bermacam-macam kesenian tradisional yang masing-masing ada memiliki

persamaan bentuk kesenian yang dipertunjukkan seperti yang diuraikan di atas. Walaupun demikian, terdapat juga perbezaan di antara kesenian-kesenian yang dipertunjukkan atau mempunyai kekhasan tersendiri pada masing-masingnya. Misalnya seperti tari *Mancak* dari *nagari* Koto Anau Solok, tari *Alang Suntieng Pangulu* dari Padang Laweh Bukittinggi, dan seperti kesenian Luambek dari *nagari-nagari* di sekitar wilayah Pariaman. Sampai masa kini, pada masing-masing *nagari* masih mempertahankan kesenian-kesenian tradisional yang dimiliki dengan kekhasannya sebagai warisan/pusaka yang diterima secara turun-temurun semenjak dahulu.

Luambek merupakan kesenian yang hidup dan berkembang hanya di dalam komuniti kaum Pariaman yang dalam erti tidak terdapat kesenian Luambek di daerah lain di Minangkabau. Penulis lebih setuju untuk mengatakan bahawa tempat hidup dan berkembangnya kesenian Luambek adalah di Pariaman, atau tidak sama dengan pendapat penulis-penulis terdahulu yang mengatakan bahawa Luambek terdapat di daerah Padang Pariaman. Hal ini kerana Padang Pariaman merupakan pembahagian wilayah secara pentadbiran negara Republik Indonesia dan secara wujud kesenian Luambek hanya ditemui di sekitar daerah budaya Pariaman, tidak dijumpai di seluruh wilayah Padang Pariaman (dalam sub bab lain akan dijelaskan batas-batas atau jalur-jalur wilayah tempat beradanya kesenian Luambek yang lazim disebut *lareh* (laras) atau tumpukan). Persembahan kesenian Luambek dalam upacara ‘*alek nagari*’ mendapat keutamaan, yakni lebih dahulu dipertunjukkan daripada kesenian tempatan yang lainnya. Untuk pelaksanaan persembahan “harus” menurut sistem dan tatacara yang telah ditetapkan dan

berdasarkan keputusan daripada tokoh-tokoh adat—*Niniak mamak* (terdiri daripada para Penghulu) , alim ulama, dan cerdik pandai/Cendikiawan—kerana kesenian Luambek merupakan salah satu bahagian seni pertunjukan adat dalam sesuatu upacara. Dengan ini dapat dikatakan, bahawa Luambek mempunyai hubungkait dengan erti kata-kata yang dipakaikan pada kesenian ini (sebagaimana yang sudah lazim disebut masyarakat tempatan) sebagai “*suntiang Niniak mamak, pamenan dek nan mudo*”.

Kesenian Luambek sesebuah seni pertunjukan yang dilakukan oleh dua orang penari lelaki. Gerak geri tarian yang dilakukan dalam Luambek dikesan seperti silat yang terdiri daripada gerakan menyerang dan menangkis (tetapi tidak realistik dan juga tidak bersentuhan di antara penari) yang memiliki kekuatan pada batin atau tidak pada fizikalnya. Hal ini merupakan gejala yang wujud dari hasil belajar tentang kaedah menurut aliran ajaran Islam mistik melalui tarekat yang berteraskan kepada spiritual. Oleh sebab itu, bagi masyarakat tempatan dan oleh penulis terdahulu, Luambek diertikan dalam dua erti kata, iaitu ‘*lalu* dan ‘*ambek*’. Kata *lalu* diertikan ‘lewat’ yang mengandungi maksud ‘menyerang’ dan *ambek* sama dengan ‘hambat’ (menghambat) yang disamakan maksudnya dengan ‘menangkis’. Gerak geri ‘menyerang’ dan ‘menangkis’ dalam tarian yang divisualisasikan, merupakan gambaran dari imejan mental atau merupakan gambaran simbolik dan tidak dalam bentuk senyatanya untuk mengertikan Luambek.

Aspek yang sangat mendukung pada masa persembahan gerak geri Luambek adalah muzik pengiring yang lazim disebut masyarakat ‘*dampeang*’. Muzik (*dampeang*) dalam persembahan Luambek sangat memegang peranan, sebagai pengatur jalannya pertunjukan. *Dampeang* terdiri dari dua bentuk, iaitu *dampeang* jantan dan *dampeang* betina. *Dampeang* betina memiliki peranan sebagai pengatur gerakan langkah para penari pada masa sebelum gerak serang dan menangkis dilakukan, sedangkan *dampeang* jantan berperanan sebagai tanda bagi para penari, bahawa sudah masanya untuk melakukan gerakan menyerang dan menangkis sesuai peranan yang dilakoni menurut ketentuan posisi penari—sebagai penyerang dan sebagai penangkis. Pada masa persembahan terdapat dua orang wasit yang dikenali sebagai *Janang*. Peranan *Janang* pada masa persembahan, tidak sama seperti peranan wasit pada amnya yang menentukan kalah dan menang, namun hanya berperanan sebagai pengawal permainan gerakan para penari agar tidak terjadi kecurangan yang boleh mengakibatkan kekacauan—saling menipu di antara penari untuk mendapatkan posisi menang.

1.4.3 Tari Tradisional Minangkabau

Di Minangkabau kesenian—termasuk seni tari—dikatakan sebagai suatu permainan, iaitu permainan yang dimiliki rakyat dianggap muncul dari kelompok rakyat dan untuk hiburan bagi rakyat. Sebaliknya tidak terdapat tari tradisional Minangkabau yang berlatar belakang dari lingkungan istana, walaupun diakui dalam sejarah bahawa pernah ada terdapat kerajaan di Minangkabau yang terletak di Pagaruyung Batusangkar kabupaten Tanah Datar Sumatera Barat. Tari rakyat atau tari tradisional banyak dijumpai di wilayah Minangkabau, baik di banda

mahupun di kampung-kampung (*nagari*) atau di daerah pedalaman di Minangkabau.

Di setiap *nagari* memiliki bermacam-macam kesenian, termasuk seni tari yang harus menjadi perhatian untuk dipelihara dan dikembangkan. Kesenian tari yang terpelihara kehidupannya dari dahulu sampai sekarang pada bahagian *nagari-nagari* tertentu akan menjadi aset dan identiti *nagari* bersangkutan. Seperti misalnya tari Mancak milik masyarakat *nagari* Koto Anau Solok, tari Mulo Pado milik masyarakat *nagari* Padang Magek Batusangkar, tari Rantak Kudo milik masyarakat *nagari* di Pesisir Selatan, dan Luambek serta Indang milik masyarakat *nagari* di Pariaman.

Amnya, tari tradisional Minangkabau melalui aspek geraknya adalah berdasarkan aspek-aspek gerak pencak silat yang dikelompokkan kepada tari gaya *sasaran*¹¹. Seiring dengan perjalanan waktu, tari tradisional Minangkabau ternyata mengalami perkembangan dan perubahan. Tari tradisional Minangkabau tidak saja lagi yang hanya berwujud aspek-aspek gerak pencak silat. Tari-tari di Minangkabau sudah hidup bersamaan dengan tarian yang datang dari luar Minangkabau dalam proses waktu yang berpuluh-puluh tahun dan bahkan ada yang sampai ratusan tahun. Kesan dari kemasukan budaya luar telah menyebabkan tari tradisional Minangkabau menjadi bermacam ragam, atau boleh dikatakan berbagai ‘gaya’ yang sudah merupakan milik masyarakat Minangkabau, seperti gaya *sasaran*, gaya *surau*, dan gaya Melayu.

¹¹ Tari gaya *sasaran* adalah tari yang mempunyai gaya gerak terdiri daripada unsur-unsur pencak silat, kerana *sasaran* adalah merupakan tempat untuk berlatih silat oleh anak muda—laki—laki—di Minangkabau.

Pada masing-masing gaya dari kesenian—termasuk seni tari—memiliki kelompok masyarakat pendukung tersendiri. Kesenian yang bersifat Minangkabau—termasuk tari gaya *sasaran*—didukung oleh penduduk kampung, di mana komuniti (lelaki muda) ini disebut dengan golongan *parewa*. Kelompok kesenian ini dominan menempati wilayah Minangkabau bahagian pedalaman—*darek* (darat). Kesenian yang bersifat Minangkabau mempunyai ciri-ciri: bentuk garapan dan tema sederhana; pelaku seninya terdiri dari lelaki; dimanfaatkan sebagai media ungkapan batin/rohani dan untuk menghayati falsafah hidup komuniti pendukungnya. Komuniti muda lelaki di Minangkabau pada masa dahulu berhimpun di lingkungan *surau* pada malam hari. *Surau* memiliki pelbagai fungsi, di samping digunakan tempat belajar ilmu agama dan al Quran juga tempat belajar ilmu kemasyarakatan—adat istiadat—dan tempat belajar silat. Bahkan biasanya dibuat bangunan kecil di samping *surau* untuk tempat tidur bagi para anak muda lelaki. Menurut kebiasaan di Minangkabau yang menganut adat matrilineal, anak lelaki yang sudah baliq tidak diperbolehkan tidur dirumah orang tua (ibunya). Keadaan ini yang dimanfaatkan oleh para mubaligh agama (Syeikh) pada masa dahulu dalam menyampaikan ajaran agama yang merupakan nilai-nilai Islam yang dikemas ke dalam bentuk kesenian, termasuk seni tari. Tari gaya *surau* dan tari gaya *sasaran* merupakan hasil dari kebudayaan pra Islam dan masa Islam yang berteraskan nilai-nilai spiritual.

Tari-tari gaya ‘*sasaran*’ merupakan tarian yang gerak gerinya wujud aspek-aspek pencak silat dan dikirakan tumbuh di tempat latihan silat (*sasaran*). Tarian yang bergaya *sasaran* banyak terdapat di daerah *darek* (darat) dan ini bersesuaian

dengan sosial budayanya, di mana tarian ini diakui lahir dari produk kebudayaan masyarakat adat yang bertani. Adapun daerah *darek* adalah daerah bahagian pedalaman Minangkabau yang melingkupi tiga daerah budaya yang dinamai *luhak*, seperti *luhak* Tanah Datar, *luhak* Agam, dan *luhak* Limapuluh Kota. Menurut *tambo*¹² alam Minangkabau, di *luhak* Tanah Datar terletak daerah yang dianggap tertua dan dikatakan sebagai daerah pusat adat. Di *luhak* ini pulalah letaknya pusat kerajaan Minangkabau pada masa dahulu, iaitu di daerah Pagaruyung Batusangkar. Sebenarnya banyak tari-tari yang bergaya *sasaran* terdapat di Minangkabau, namun yang lebih wujud aspek pencak silatnya adalah, tari *Sewah*, tari *Galombang*, dan tari *Luambek*. Tari-tarian bergaya *sasaran* pada amnya diiringi dengan bunyi-bunyian alat muzik, seperti *talempong*, *gandang*, *saluang*, *pupuik sarunai*, *pupuik gadang*, dan khas untuk Luambek—gerakannya yang terdiri daripada unsur-unsur silat—diiringi dengan nyanyian/muzik vokal.

Jenis tarian yang garapan geraknya berdasarkan aspek-aspek pencak silat, seperti tari *sewah* dengan memakai props senjata tajam yang pada amnya memakai pisau. Tarian ini dilakukan oleh lelaki secara berlawanan—bentuk gerakan serang dan tangkis yang terdiri daripada dua orang, atau tiga orang, dan bahkan boleh empat orang. Di dalam tarian *sewah* ini tidak harus semua penari memakai pisau. Boleh juga untuk tarian berpasangan yang terdiri dari dua orang yang masing-masing di antara kedua penari memakai pisau, namun senjata mereka tidak bersentuhan pada masa persembahan. Adapun tari *Gelombang* adalah tarian yang dipersembahkan untuk penyambutan tamu pada upacara jamuan besar seperti dalam upacara

¹² Tambo adalah legenda tentang sejarah terbentuknya daerah dan masyarakat suku Minangkabau.

pernikahan dan upacara pengangkatan Penghulu, dan bahkan sekarang sudah difungsikan untuk penyambutan tamu pemerintahan. Gerakannya berdasarkan aspek-aspek pencak silat, tetapi tidak dalam bentuk gerakan menyerang dan menangkis namun hanya aspek gerak langkah yang disebut '*langkah ampek*', dan tarian ini dilakukan oleh puluhan penari lelaki. Tari Gelombang ini dilakukan dalam dua bentuk kelompok secara berhadapan, di mana yang satu kelompok berposisi di depan rombongan tamu yang memiliki peranan sebagai rombongan pengawal tamu, sedangkan satu kelompok lagi berposisi di depan rombongan *supangka* (yang punya pesta) yang berperan sebagai rombongan pengawal yang punya pesta atau tuan rumah. Tarian pencak yang lain adalah tarian Luambek yang terdiri daripada gerakan unsur-unsur pencak silat yang persembahannya secara berpasangan (berlawanan) dan diiringi dengan muzik vokal atau nyanyian dengan irama dikir¹³.

1.4.4 Sosial Budaya Masyarakat Minangkabau

Masyarakat *nagari* Minangkabau, dalam bentuk struktur sosialnya disusun berdasarkan prinsip-prinsip 'sistem matrilineal'. Maka dari itu, organisasi sosial masyarakat *nagari* Minangkabau dibagi menjadi kelompok yang berdasarkan kekerabatan satu kaum (satu keturunan menurut garis ibu). Masing-masing kelompok diberi nama (di Minangkabau disebut 'suku'), seperti: suku koto, piliang, jambak, tanjuang. Sikumbang, dan banyak lagi lainnya. Untuk satu kelompok keturunan, iaitu satu suku yang disebut 'sasuku'. Semua anak, baik lelaki mahupun perempuan masuk ke dalam kelompok kekerabatan menurut garis

¹³ Dikir merupakan seni vokal yang dinyanyikan dalam membacakan kisah nabi Muhammad pada upacara peringatan Maulid Nabi di mesjid/surau di sekitar wilayah Minangkabau.

keturunan ibu yang keberadaanya diakui dalam satu suku. Saudara lelaki dari ibu disebut '*mamak*' dan saudara lelaki dari nenek disebut '*niniak*', sedangkan saudara perempuan dari ibu disebut '*etek*' dan '*mak tuo*'. Untuk satu kelompok kekerabatan (satu suku) diangkat seorang pemimpinnya atas kebersamaan sesuai ketentuan adat, yakni musyawarah dan mufakat oleh anggota keluarga satu kaum. Pimpinan ertinya, memimpin anggota keluarga yang disebut '*kamanakan*' yang mencakup seluruh anak-anak—lelaki dan perempuan—dari saudara-saudara perempuan. Pimpinan yang diangkat adalah salah seorang dari saudara lelaki ibu. Setelah pengangkatan atau pengukuhan pimpinan disebut 'Penghulu' yang dipanggil '*datuak*'.

Masyarakat Minangkabau tidak memakai prinsip individualisme yang dilingkupi prinsip totaliterisme, sebagaimana prinsip yang dipakai oleh masyarakat lainnya di dunia. Orang-orang Minangkabau mempunyai kedudukan tersendiri sebagai perseorangan dan sebagai satu keseluruhan yang dalam hal ini sesuai falsafah adat Minangkabau, ianya mencakup: dasar, cara, dan tujuan adalah 'satu', seperti prinsip *sehina-semalu*. Maka dari itu, menurut adat Minangkabau dalam susunan masyarakat dan tata pelaksanaan kemasyarakatan harus dilakukan bersesuaian dengan prinsip kebersamaan: dari; oleh; dan untuk bersama, sebagai tujuan dalam mencapai kebahagiaan. Susunan masyarakat yang memakai prinsip kebersamaan terwujud dengan bentuk bertingkat-tingkat, iaitu dari tingkatan yang rendah kepada tingkatan yang tinggi—*kemenakan*, *mamak*, penghulu--, dan kepemimpinannya sebagaimana difatwakan adat:

*"Luhak nan bapanghulu,
Rantau nan barajo,*